



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

<http://cikguadura.wordpress.com/>

SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

1 Apakah sumbangan kemajuan bidang perubatan berikut kepada tamadun Mesopotamia?

- 500 ubat dikatalogkan
- Cara mengubat penyakit dicatat

- A Mayat diawet
- B Tentera yang kuat
- C Pendidikan berkembang
- D Kod kedoktoran diperkenalkan

2 Gambar berikut menunjukkan arca Firaun Senuusret III iaitu pemerintah tamadun Mesir Purba.



Apakah sumbangan firaun tersebut?


- A Penciptaan roda
- B Penciptaan kertas
- C Pembinaan Piramid
- D Pembinaan sistem pengairan

3 Semasa pemerintahan Pericles, banyak sekolah falsafah didirikan di negara kota Athens. Apakah kesan perkembangan tersebut?

- A Menjadikan warganegaranya gagah perkasa
- B Menanamkan semangat taat setia kepada negara
- C Melahirkan cendikiawan pelbagai bidang
- D Meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir

- 4 Bagaimanakah anggota masyarakat dalam tamadun China dilantik dalam sistem pentadbiran?
- A Lulus temuduga
 - B Pandai berpidato
 - C Pandai bermain senjata
 - D Lulus peperiksaan awam

- 5 Rajah berikut menunjukkan perubahan yang berlaku kepada Kerajaan Funan.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Kedudukan pelabuhan strategik
 - B Peningkatan jumlah penduduk
 - C Penambahan hasil pertanian
 - D Kekayaan hasil laut
- 6 Srivijaya memiliki tentera laut yang besar dan kuat untuk mengawal Selat Melaka dan Selat Sunda.
Bagaimanakah kekuatan tentera tersebut memberi keuntungan kepada Srivijaya?
- A Memudahkan kutipan cukai
 - B Memajukan perdagangan antarabangsa
 - C Meluaskan kawasan pertanian
 - D Mengawal sistem timbangan

- 7 Maklumat berikut berkaitan peperangan yang berlaku dalam masyarakat Arab Jahiliah.

Perang al-Basus
<ul style="list-style-type: none">• Berlaku antara Bani Taghlib dengan Bani Bakar• Seorang ahli Bani Taghlib telah dibunuh oleh seorang Bani Bakar• Berlanjutan selama 40 tahun

Apakah cara untuk membendung daripada berlaku peperangan tersebut?

- A Memodenkan ketenteraan
- B Membangunkan infrastruktur
- C Memupuk persefahaman
- D Memajukan ekonomi

- 8 Penyebaran Islam di Makkah telah menimbulkan reaksi penentangan daripada masyarakat Arab Quraisy.
Bagaimanakah cara masyarakat Arab Quraisy melakukan penentangan?

- A Membuat tembok sempadan
- B Memulau keluarga Rasulullah
- C Melancarkan peperangan
- D Mengadakan perjanjian dengan Parsi

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan perlembagaan bertulis yang pertama didunia.

Piagam Madinah
<ul style="list-style-type: none">• Dirangka pada tahun 622M• Mengandungi 47 fasal

Apakah keistimewaan perlembagaan tersebut?

- A Berpandukan wahyu
 - B Berasaskan fatwa
 - C Berbentuk lisan
 - D Bersifat tegas
- 10 Senarai berikut berkaitan Perjanjian Hudaibiyah.

<ul style="list-style-type: none">• Termeterai pada tahun 628 M (6 Hijrah)• Gencatan senjata selama 10 tahun• Umat Islam mengerjakan umrah pada tahun 7 Hijrah
--

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada umat Islam?

- A Kaabah terpelihara daripada unsur jahiliah
- B Taraf masyarakat akan meningkat
- C Kerajaan Madinah diiktiraf
- D Pembentukan masyarakat yang bersatu

- 11 Bagaimanakah Khalifah Uthman bin Affan mengukuhkan sistem pertahanan negara sehingga berjaya meluaskan kuasa ke kawasan berikut?

- Tripoli
- Samarkand
- Afghanistan


- A Membentuk tentera laut
B Membina kumpulan Janissari
C Menubuhkan Diwanul Jundi
D Menguatkan semangat ghazi

- 12 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap Eropah?

- Keruntuhan Gereja Ortodok
- Kejatuhan kerajaan Byzantine
- Penghijrahan orang Turki ke Balkan

- A Perdagangan merosot
B Penaklukan Constantinople
C Peperangan tercetus
D Penyebaran Islam

- 13 Mengapakah para pedagang Islam mengambil tindakan berikut?



- A Menambahkan keuntungan
B Merupakan strategi perniagaan
C Memenuhi tuntutan agama
D Memudahkan urusan perdagangan

- 14 Syeikh Nurudin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkel menegaskan tentang kewajipan berjihad bagi setiap orang Islam. Konsep jihad dalam Islam tidak terhad kepada perjuangan menentang musuh tetapi turut meliputi aspek
- I membayar zakat
 - II meluaskan wilayah
 - III membasmi kemiskinan
 - IV membentuk kehidupan sempurna
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15 Adat Perpatih telah diguna pakai oleh orang Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan Nanning. Apakah ciri adat tersebut?
- A Perkahwinan sesama suku dibenarkan
 - B Pemimpin dilantik berdasarkan keturunan
 - C Pusaka dibahagikan mengikut hukum faraid
 - D Penentuan jurai keturunan mengikut sebelah ibu
- 16 Wang syiling berikut dikeluarkan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Melaka keempat.



Apakah ciri mata wang tersebut?

- A Dikenali wang katun
- B Dilukis gambar istana
- C Ditulis nama pemerintah
- D Diperbuat daripada emas

17 Apakah kesan daripada pengenalan sistem berikut di Eropah?

Sistem Penggiliran Tanaman

- A Memagar kawasan ladang
- B Mengekalkan kesuburan tanah
- C Menggalakan kajian pertanian
- D Mengubah sistem pemilikan tanah

18 Kuasa Barat telah menggalakkan dasar imperialisme ke negara-negara Asia Tenggara dengan slogan berikut.

- Mission civilisatrice
- The white man's burden

Apakah kesan dasar tersebut ?

- I Pengenalan tanaman komersial
 - II Perubahan demografi dalam negara
 - III Peningkatan ekonomi penduduk tempatan
 - IV Pengukuhan sistem perundangan tradisional
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19 Gambar berikut menunjukkan jentera yang digunakan dalam erlobongan bijih timah di Tanah Melayu.



Apakah kesan penggunaan jentera tersebut ?


- A Penglibatan pembesar Melayu
- B Pertambahan tenaga kerja
- C Peningkatan harga keluaran
- D Penguasaan pemodal Eropah

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British mengawal perkembangan sekolah Cina di Tanah Melayu.

Tahun	Tindakan
1920	Memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah

Mengapakah British mengambil tindakan sedemikian?

- A Mengatasi kekurangan guru
 - B Mewujudkan perasaan kekitaan
 - C Membendung masalah jenayah
 - D Menyekat pengaruh komunis
- 21 Rajah berikut berkaitan dengan golongan dalam sistem pentadbiran di Vietnam sebelum kedatangan Perancis.



Bagaimanakah golongan tersebut dilantik ke dalam sistem pentadbiran ?

- A Peperiksaan
 - B Pilihan raya
 - C Perwarisan
 - D Pengiktirafan
- 22 Dialog berikut mungkin berlaku pada akhir abad ke-19 di Filipina.

Pegawai Amerika Syarikat : “ Filipina mestilah bekerjasama dengan kami”.

Emilio Aguinaldo : “ Baiklah,yang penting matlamat rakyat Filipina akan tercapai”.

Apakah matlamat kerjasama tersebut ?

- A Memantapkan sistem pertahanan
- B Menyatupadukan penduduk
- C Meningkatkan ekonomi
- D Mengusir Sepanyol

23 Ilustrasi .berikut menunjukkan tokoh Tok Janggut yang menentang British di Kelantan.



Mengapakah tokoh tersebut menentang British?

- A Dilucutkan jawatan
- B Dipaksa membayar cukai
- C Dilarang mengutip ufti
- D Dikerah meneroka hutan

24 Maklumat berikut menerangkan Pasukan Force 136.

- Terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu
- Bekerjasama dengan pihak British

Apakah sumbangan pasukan tersebut?

- A Membantah penubuhan Melayu Raya
- B Menentang pendudukan Jepun
- C Menuntut kemerdekaan tanah air
- D Menghapuskan ancaman komunis

25 Jadual berikut berkaitan persatuan yang ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1934.

Persatuan	Matlamat
X	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan ahli berkenalan • Bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa

Apakah X?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Melayu Sarawak
- C Kesatuan Melayu Singapura
- D Persatuan Sahabat Pena Malaya

26 Pada tahun 1866 negara Itali telah membantu Prussia menewaskan Austria. Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penguasaan Venetia
- B Penaklukan Lombardy
- C Penyatuan rakyat Rom
- D Pengunduran tentera Perancis

27 Maklumat berikut berkaitan perlembagaan di negeri Melayu

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu

Apakah persamaan perlembagaan tersebut?


- A Mengukuhkan pertahanan negeri
- B Menghalang penjajahan asing
- C Menyatupadukan rakyat
- D Menghapuskan kegiatan jenayah

28 Mengapakah pertubuhan berikut menyokong pembentukan Malayan Union pada tahun 1946.

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
- Angkatan Pemuda Insaf
- Angkatan Wanita Sedar

- A Mengurangkan ancaman komunis
- B Menghapuskan sistem feodal
- C Melindungi hak istimewa bumiputera
- D Mengembalikan kuasa pembesar

- 29 Rajah berikut menunjukkan kontrak sosial yang diasaskan antara British dengan Raja-raja Melayu melalui perjanjian Persekutuan 1948



Mengapakah kontrak sosial tersebut diasaskan?


- A Mengiktiraf ketuanan bangsa
 B Menyekat kemasukan imigran
 C Melindungi kekayaan negara
 D Mengukuhkan kuasa pembesar
- 30 Senarai berikut merujuk kepada wakil penduduk Tanah Melayu yang berunding dengan Sir Henry Gurney pada Julai 1950.

- Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid
- Dr Lee Tiang Keng
- Dato' E.E.C. Thuraisingam

Apakah kejayaan rundingan tersebut?

- A Kemerdekaan diisytiharkan
 B Pilihanraya Majlis Perundangan dirancang
 C Sistem Ahli ditubuhkan
 D Perpaduan kaum tercapai
- 31 Apakah manifesto Parti Perikatan semasa menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1955?
- I Menjaga hak asasi manusia
 II Mencapai kemerdekaan secepat mungkin
 III Mengembalikan kuasa pembesar tempatan
 IV Mewujudkan pendidikan tinggi
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 32 Rajah berikut menerangkan faktor penubuhan Malaysia.



Apakah X?

- A Mengukuhkan kuasa raja
 B Mewujudkan perpaduan kaum
 C Melemahkan pengaruh komunis
 D Mengurangkan kemasukan imigran
- 33 Jadual berikut menunjukkan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak yang bergabung untuk menyokong penubuhan Malaysia.

Parti Perikatan Sarawak	Parti Perikatan Sabah
<ul style="list-style-type: none"> • PANAS • SNAP • BERJASA • PESAKA 	<ul style="list-style-type: none"> • UNKO • USNO • Pasok Momugun • Parti Bersatu

Apakah kejayaan Parti Perikatan tersebut?

- A Mencapai kemerdekaan
 B Menuntut pilihan raya
 C Menghapuskan ancaman komunis
 D Menggubal perlembagaan negeri
- 34 Siapakah yang boleh mengisytiharkan undang-undang berikut jika mendapati keselamatan negara terancam?

‘Undang-undang X’

- A Perdana Menteri Malaysia
 B Ketua Setiausaha Negara
 C Majlis Raja-Raja Melayu
 D Yang di-Pertuan Agong

- 35 Sistem mahkamah telah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan tugas kehakiman di negara ini.

Apakah kuasa yang dimiliki oleh mahkamah di Malaysia?

- A Membuat dasar negara
 - B Mentafsir perlembagaan
 - C Membuat dasar negara
 - D Mengetuai pemerintahan
- 36 Pernyataan berikut berkaitan agensi yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaya Pertama.

RIDA –Rural Industrial Development Authority

Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut?


- A Membuka tanah baru
 - B Menstabilkan harga padi
 - C Memajukan masyarakat luar bandar
 - D Menggalakkan penubuhan koperasi
- 37 Dasar Penswastaaan dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Mac 1983.
- Mengapakah dasar tersebut dilancarkan?
- A Membangunkan wilayah baru
 - B Mengurangkan beban kewangan kerajaan
 - C Melibatkan bumiputera dalam pelaburan
 - D Menggalakkan penubuhan industri berat

- 38 Maklumat berikut merupakan gagasan negara untuk menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020.

Wawasan 2020
Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju mengguna acuan sendiri

Bagaimanakah matlamat tersebut boleh dicapai?

- A Mengatasi pengangguran
 B Meningkatkan kualiti pendidikan
 C Mengatasi sembilan cabaran
 D Mengukuh hubungan antarabangsa
- 39 Rajah berikut berkaitan kesan Perang Dunia Pertama.



Apakah X?

- A Perjanjian Versailles ditandatangani
 B Negara baru dibentuk
 C Perang Dingin tercetus
 D Kemunculan blok dunia
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan Negara-negara Selatan.

- Pernah dijajah oleh kuasa Barat
- Dikenali juga sebagai Negara Dunia Ketiga
- Mempunyai persamaan dari segi latar belakang ekonomi

Apakah matlamat penubuhannya?

- A Mengukuhkan pertahanan
 B Menyelesaikan konflik politik
 C Meningkatkan kerjasama teknikal
 D Mengekalkan keamanan dunia

No. Kad Pengenalan

							-							
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
3. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.***
4. *Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada **Kertas Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
7. *Ikat kertas jawapan bersama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<i>Nama Pemeriksa:</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

1. Rajah berikut berkaitan pengaruh Islam di Asia Tenggara.



(a) Nyatakan pengaruh Islam dalam bidang politik.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Berikan **dua** pengaruh Islam dalam bidang ekonomi.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Apakah perubahan yang berlaku dalam aspek budaya hidup masyarakat Asia Tenggara selepas kedatangan Islam?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Islam bersifat sarwajagat.

Apakah nilai-nilai sarwajagat Islam yang boleh diamalkan untuk membentuk keharmonian masyarakat.

(i)

(ii)

[2 markah]


(e) Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita sehingga mendapat pengiktirafan dunia sebagai model negara Islam. Buktikan.

(i)

(ii)

[2 markah]

2. Garis masa berikut menerangkan perubahan yang berlaku di Eropah. Perubahan tersebut menjadi titik tolak kepada kemunculan Eropah sebagai kuasa besar dunia.



(a) Apakah maksud Zaman Gelap?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Senaraikan ciri-ciri masyarakat Eropah pada Zaman Gelap?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(c) Bagaimanakah masyarakat Eropah berjaya keluar daripada Zaman Gelap?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(d) Apakah kejayaan masyarakat Eropah yang boleh dicontohi untuk kemajuan bangsa dan negara?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(e) Beri cadangan anda, bagaimanakah kita dapat mengatasi dominasi kuasa Eropah pada hari ini.

- (i)
- (ii) [2 markah]

3 Maklumat berikut berkaitan dengan warisan pentadbiran di Negeri-Negeri Melayu.

- Sistem Jemaah Menteri Kelantan
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu

(a) Senaraikan **dua** jawatan dalam Sistem Jemaah Menteri Kelantan.

(i)

(ii)
[2 markah]

(b) Nyatakan ciri-ciri Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu.

(i)

(ii)
[2 markah]

(c) Apakah kepentingan pengenalan Sistem Jemaah Menteri Kelantan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu?

(i)

(ii)
[2 markah]

(d) Pemimpin negara kita telah melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) berdasarkan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Mengapakah transformasi tersebut dilakukan oleh pemimpin negara pada hari ini?

(i)


(ii)
[2 markah]

(e) Bagaimanakah anda boleh menjayakan program transformasi pentadbiran negara.

(i)

(ii)
[2 markah]

4 Rajah berikut menerangkan usaha pembinaan negara bangsa yang merdeka di Tanah Melayu



(a) Apakah peranan Sistem Ahli dalam usaha mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Senaraikan kejayaan pakatan murni dalam membentuk negara bangsa yang merdeka.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(c) Nyatakan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(d) Sebagai warganegara patriotik, bagaimanakah anda boleh berperanan mengisi kemerdekaan negara agar kekal berdaulat.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(e) Setelah mengecapi kemerdekaan selama 56 tahun, nama Malaysia harum di pentas dunia sebagai negara membangun yang maju dan stabil. Buktikan.


- (i)
- (ii) [2 markah]

Bahagian B

[60 markah]


Jawab **tiga** soalan sahaja<http://cikguadura.wordpress.com/>

- 5 Peta berikut menunjukkan tamadun yang banyak menyumbang kepada peningkatan pencapaian kehidupan manusia dalam pelbagai aspek.




- (a) Terangkan sumbangan tamadun tersebut dalam aspek berikut:
- (i) Pentadbiran [4 markah]
 - (ii) Perundangan [4 markah]
- (b) Apakah keistimewaan pendidikan dalam tamadun tersebut yang boleh dimanfaatkan untuk menjadikan negara kita sebagai hub pendidikan dunia? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sains dan teknologi dalam memajukan negara dan bangsa Malaysia? [6 markah]

6 Rajah berikut berkaitan pembentukan kerajaan Islam pertama di dunia.



- (a) Terangkan kepentingan hijrah umat Islam dari Makkah ke Madinah. [6 markah]
- (b) Terangkan keunggulan kandungan Perlembagaan Madinah yang menjadi rujukan negara-negara di dunia. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri masyarakat Madinah yang boleh dicontohi oleh rakyat Malaysia bagi menjamin keharmonian dalam negara? [8 markah]

7 Rajah berikut menerangkan dasar ekonomi British di Tanah Melayu.



- (a) Jelaskan sistem pentadbiran tanah yang diperkenalkan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. [6 markah]
- (b) Apakah kesan dasar ekonomi British terhadap negara sebelum Perang Dunia Kedua? [8 markah]
- (c) Bagaimanakah negara kita menghadapi cabaran k-ekonomi dalam era globalisasi masa kini? [6 markah]

- 8 Tokoh-tokoh berikut terlibat dalam menggerakkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.



Sheikh Tahir Jalaluddin
Pelopor Gerakan Islah



Abdul Rahim Kajai
Wartawan akhbar



Ibrahim Haji Yaakob
Pemimpin Kesatuan Melayu Muda

- (a) Jelaskan gerakan nasionalisme yang melibatkan tokoh-tokoh tersebut. [8 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri nasionalisme yang perlu anda amalkan sebagai warganegara yang patriotik. [6 markah]
- (c) Sebagai pemimpin generasi masa depan, berikan cadangan anda agar kedaulatan negara dapat dikekalkan? [6 markah]

- 9 Gambar berikut berkaitan pembentukan Malaysia.



Cadangan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961



Pengisytiharan Hari Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 16 September 1963

- (a) Terangkan faktor pembentukan Persekutuan Malaysia. [8 markah]
- (c) Usaha merealisasikan pembentukan Malaysia dibuat melalui beberapa langkah. Buktikan kejayaan langkah-langkah tersebut. [6 markah]
- (c) Dalam usaha Malaysia mencapai tahap negara maju, apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh negara bagi melahirkan generasi berminda kelas pertama? [6 markah]

10 Petikan berikut menerangkan kepentingan membentuk perpaduan kaum di negara kita

“Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncang dunia. Demikianlah kesannya perpaduan.”

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
Mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat

- (a) Terangkan usaha memupuk perpaduan kaum bagi menjamin keharmonian negara. [8 markah]
- (b) Apakah kejayaan Rukun Negara dalam merealisasikan perpaduan kaum di negara kita? [6 markah]
- (c) Jelaskan cabaran yang perlu diatasi untuk merealisasikan cita-cita Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. [6 markah]

11 Dasar luar Malaysia bersifat dinamik dan berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah.

- (a) Terangkan faktor yang menjadi asas penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (b) Jelaskan langkah yang perlu diambil oleh negara kita bagi mengekalkan hubungan baik di peringkat antarabangsa? [6 markah]
- (c) Dasar luar yang diamalkan sejak negara merdeka hingga kini telah berjaya meletakkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati. Buktikan. [6 markah]

<http://cikguadura.wordpress.com/>

KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**SEJARAH
Kertas 3
Tiga jam**

TEMA UMUM

(Diberikan kepada calon enam (6) minggu sebelum hari pertama peperiksaan bertulis)

**TAJUK 12.2 PERANAN DAN SUMBANGAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN
ANTARABANGSA**

(Merujuk Tema 12 Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 9)

Baca pernyataan berikut:

Sejak kita mencapai kemerdekaan, Malaysia tidak pernah mengasingkan diri daripada masyarakat antarabangsa dan menunjukkan dasar luar yang aktif di peringkat antarabangsa dan serantau. Malaysia telah memainkan peranan yang berkesan dalam sistem politik antarabangsa dan setiap tindakan yang diambil adalah berkait rapat dengan dasar domestik negara, iaitu dasar mementingkan keamanan, kebebasan dan semangat kerjasama dalam perhubungan antarabangsa.

“**Malaysia Kita**” (1991), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kuala Lumpur muka surat 805

Berdasarkan pernyataan di atas calon dikehendaki melaksanakan tugas berikut:

- i. Membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan **tema umum** sebagai persediaan untuk menjawab **tugas spesifik** yang akan diberi pada hari peperiksaan. Sumber rujukan boleh diperolehi daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota, majalah, keratan akhbar, internet dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

- ii. Calon hanya dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis, bahan fotostat dan bahan bercetak yang berkaitan sahaja ke dalam dewan/bilik peperiksaan pada hari peperiksaan.
- iii. Dokumen tersebut tidak boleh dikongsi bersama calon-calon lain semasa peperiksaan bertulis dilaksanakan.
- iv. Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

SEJARAH

Kertas 3

3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- i. Kertas soalan mengandungi **satu tugas**.
- ii. Jawab **semua soalan** berdasarkan tugas tersebut.
- iii. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis, bahan fotostat dan bahan bercetak yang berkaitan sahaja ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- iv. Bahan-bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan.
- v. Dokumen tersebut tidak boleh dikongsi bersama calon-calon lain semasa peperiksaan bertulis dilaksanakan.
- vi. Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<i>Nama Pemeriksa:</i>			
Aspek	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
Pengenalan	1	05	
	2	25	
Isi dan Huraian	3	30	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
	7	05	
Kesimpulan	8	05	
Jumlah		100	

Kertas ini mengandungi **4** halaman bercetak

TAJUK 12.2 PERANAN DAN SUMBANGAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN ANTARABANGSA**(Merujuk Tema 12 Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 9)**

Baca pernyataan berikut:

Sejak kita mencapai kemerdekaan, Malaysia tidak pernah mengasingkan diri daripada masyarakat antarabangsa dan menunjukkan dasar luar yang aktif di peringkat antarabangsa dan serantau. Malaysia telah memainkan peranan yang berkesan dalam sistem politik antarabangsa dan setiap tindakan yang diambil adalah berkait rapat dengan dasar domestik negara, iaitu dasar mementingkan keamanan, kebebasan dan semangat kerjasama dalam perhubungan antarabangsa.

“Malaysia Kita” (1991), Institut Tadbiran Awam Negara
(INTAN). Kuala Lumpur muka surat 805
<http://cikguadura.wordpress.com/>

Tugasan Spesifik:

Dasar luar yang dinamik membolehkan Malaysia memberi sumbangan yang berkesan di peringkat serantau dan antarabangsa serta menjadi teladan sebagai komuniti antarabangsa yang mengutamakan keharmonian sejagat.

Bincangkan.

Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1 Jelaskan maksud pertubuhan serantau dan pertubuhan antarabangsa.	5 markah
Isi dan Huraian	2 Terangkan perkembangan dasar luar Malaysia sejak merdeka sehingga kini.	25 Markah
	3 Terangkan peranan Malaysia dalam menjamin keharmonian sejagat melalui pertubuhan antarabangsa berikut: i Komanwel [10 markah] ii Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) [10 markah] iii Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) [10 markah]	30 markah
	4 Sebagai warga global yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda boleh menyumbang kepada kesejahteraan dunia?	10 markah
	5 Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang berkesan dalam menjamin kestabilan serantau. Buktikan.	10 markah
	6 Konflik antara negara seperti pencerobohan Israel ke atas Palestin, ketegangan Korea Utara dengan Korea Selatan serta penghapusan etnik di Bosnia oleh Serbia telah menggugat keamanan sejagat. Bagaimanakah dasar luar negara kita dapat membantu mengelakkan konflik sedemikian?	10 markah

Aspek	Perincian	Markah
	7 Sebagai warga global, apakah nilai-nilai yang dapat diamalkan untuk membolehkan kita hidup bersama dengan aman dan harmoni?	5 markah
Kesimpulan	8 Rumusan <ul style="list-style-type: none">• Pengetahuan yang diperoleh• Iktibar kepada diri, bangsa dan negara• Harapan untuk masa depan Malaysia yang lebih cemerlang	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

<http://cikguadura.wordpress.com/>

SEJARAH
1249/1
SKEMA JAWAPAN

No	KUNCI				HAL
Rujuk Buku Teks Tingkatan 4					
1.		B			15
2.				D	22
3.			C		
4.				D	
5.	A				
6.		B			
7.			C		
8.		B			
9.	A				
10.			C		
11.	A				
12.				D	
13.			C		
14.				D	
15.				D	
16.			C		
17.		B			
18.	A				
19.				D	
20.				D	

No	KUNCI				HAL
Rujuk Buku Teks Tingkatan 5					
21.	A				
22.				D	
23.		B			
24.		B			
25.				D	
26.	A				
27.		B			
28.		B			
29.	A				
30.			C		
31.	A				
32.			C		
33.	A				
34.				D	
35.		B			
36.			C		
37.		B			
38.			C		
39.	A				
40.			C		
JUM	10	10	10	10	

Mohon semak semula, sekiranya ada kesilapan, baiki skema, terima kasih



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

<http://cikguadura.wordpress.com/>

**SEJARAH
Kertas 3**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN

1 Jelaskan maksud pertubuhan serantau dan pertubuhan antarabangsa.

Soalan	Butiran	Markah
1	F1 Pertubuhan yang dianggotai negara berjiran	1
	F2 Dalam lingkungan kawasan yang sama	1
	F3 Seperti Malaysia dan negara jiran/ASA/MAPHILINDO/ASEAN	1
	F4 Demi kepentingan politik / ekonomi / sosial	1
	F5 Pertubuhan dianggotai di peringkat dunia	1
	F6 Komanwel /PBB / NAM / OIC / Negara Selatan-Selatan	1
	F7 Agensi antarabangsa seperti FAO/WHO/UNESCO/Bank Dunia	1
	F8 Malaysia aktif selepas merdeka	1
[Mana-mana 5 x1 m]		

2 Terangkan perkembangan dasar luar Malaysia sejak merdeka hingga kini.

Soalan	Butiran	Markah
2	Tahap pertama semasa Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.	
	F1 Dasar luar Malaysia Tunku bersifat proBarat	1
	H1a Dilaksanakan kerana faktor politik/ekonomi/sosial	1
	H1b Kerana ancaman komunis/Parti Komunis Malaya	1
	H1c Malaysia memerlukan bantuan pertahanan dari negara-negara Komenwel terutama British/Australia/New Zealand	1
	H1d Malaysia menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris Tanah Melayu/Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956 bagi menyekat perkembangan pengaruh komunis	1
	H1e British memberi bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang	1
	F2 Berbaik-baik dengan negara jiran	1
	H2a Wujudn krisis seperti konfrontasi dengan Indonesia (1963-1965)	1
	H2b Terputusnya hubungan dengan Filipina (1965)	1
	H2c Singapura keluar dari Malaysia	1
	F3 Malaysia memelihara hubungan dengan negara jiran	1
	H3a Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) bersama-sama Thailand dan Filipina (1961)	1
	H3b MAPHILINDO (1962) bersama-sama Indonesia dan Filipina	1
	H3c ASEAN (1967) bersama Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura	1
	F4 Faktor ekonomi	1
	H4a Pergantungan Malaysia kepada Britain	1
	H4b Malaysia anggota blok sterling	1
	H4c Urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling	1
	H4d Tertumpu kepada hasil bijih timah dan getah	1
	H4e Bergantung permintaan daripada negara Barat termasuk Britain	1
	H4f Pelaburan Britain menguasai perladangan dan perindustrian	1
	H4g Malaysia mengamalkan pasaran bebas	1
	H4h Membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat/Jepun/Singapura/Jerman Barat	1
	H4i Bagi mengurangkan pergantungan kepada Britain	1
	H4j Bagi mencari pasaran baru	1

Soalan	Butiran	Markah
	Tahap kedua semasa Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn (1976-1981)	
	F5 Berubah kepada dasar berkecuali	1
	H5a Berbaik-baik dengan semua negara	1
	H5b Kerana kurangnya peranan AMDA	1
	H5c Pengaruh British di timur berkurangan	1
	H5d Pergolakan di Vietnam	1
	H5e Melibatkan dua kuasa besar, Amerika Syarikat dan China	1
	F6 Mengistiharkan konsep ZOPFAN	1
	H6a Zon Aman, Bebas, dan Berkecuali/Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN)	1
	H6b Menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis	1
	H6c Seperti China/Jerman Timur/Korea Utara/Vietnam Utara/Mongolia	1
	F7 Menjalin persahabatan dengan semua negara jiran	1
	H7a Dengan Vietnam (1976)	1
	H7b Mengatasi masalah pelarian Vietnam di Malaysia dengan kerjasama negara-negara jiran	1
	Tahap ketiga semasa Dato' Seri Mahathir Mohammad (1981-2003)	
	F8 Penekanan kepada kepentingan ekonomi	1
	H8a Dan mengekalkan dasar luar tahap kedua	1
	H8b Kepentingan perdagangan/pelaburan/pembangunan	1
	H8c Terutama dengan negara yang membangun	1
	H8d Mengadakan hubungan yang erat dengan negara-negara ASEAN	1
	H8e Seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea	1
	F9 Dasar Pandang ke Timur (1982)	1
	H9a Menjadikan Jepun / Korea Selatan	1
	H9b Model membangunkan Malaysia	1
	H9c Bertujuan menggalakkan rakyat menerima nilai-nilai yang baik	1
	H9d Seperti semangat mencintai negara	1
	H9e Kesungguhan bekerja	1
	H9f Etika kerja yang baik	1
	F10 Hubungan dua hala dengan negara-negara lain dipertingkatkan	1
	H10a Banyak lawatan ke Afrika/Amerika Selatan/Caribbean/Pasifik Selatan	1
	H10b Misi perdagangan turut serta	1
	H10c Perjanjian dua hala ditandatangani	1
	H10e Menjalin hubungan politik / perdagangan sesama negara dunia ketiga dan bukan sahaja dengan negara maju	1

Soalan	Butiran	Markah
	Tahap Keempat semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi dari 2003-2009	
	F11 kesinambungan dasar luar Malaysia Perdana Menteri sebelumnya	1
	H11a Respons pragmatik dalam menyahut cabaran geopolitik dan ekonomi	1
	H11b Keteguhan sebagai lanjutan dinamik kepada dasar sedia ada	1
	H11c Peranan kepimpinan yang berpengaruh	1
	H11d Sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) / Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) / ASEAN	1
	Tahap Kelima semasa Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak (2010-2013)	
	F12 Penekanan dalam kerjasama serantau/ASEAN	1
	H12a Menekankan hubungan dua hala dengan negara yang merupakan negara <i>'trading partner'</i> dengan Malaysia,	1
	H12b Mengukuhkan hubungan dengan China	1
	H12c Mengukuhkan hubungan dengan Amerika	1
	H12d Mengukuhkan hubungan dengan Singapura	1
	H12e Mengukuhkan hubungan dengan Jepun	1
	[Mana-mana 25 x1 m]	

- 3 Terangkan peranan Malaysia dalam menjamin keharmonian sejagat melalui pertubuhan antarabangsa berikut:

Soalan	Butiran	Markah
3	i Komanwel	
	F1 Kerjasama pertahanan/ ketenteraan	1
	H1a Menandatangani Perjanjian Pertahanan/ Komanwel	1
	H1b Melibatkan Britain/ New Zealand/ Australia	1
	H1c Mempertahankan negara daripada pencerobohan Indonesia semasa konfrontasi	1
	H1d Pertubuhan Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa (PPLK)	1
	H1e Melibatkan Malaysia/Britain/Australia/New Zealand/Singapura	1
	H1f Mengekalkan keamanan/ kedaulatan/ keselamatan	1
	H1g Menyekat pengaruh komunis	1
	F2 Memupuk hubungan persahabatan	1
	H2a Antara pelajar Malaysia dengan pelajar negara Komanwel	1
	H2b Melalui sukan Komanwel	1
	H2c Melalui sukan lain (ragbi/ kriket/ bola sepak/ hoki)	1
	F3 Bantuan teknikal/ latihan	1
	H3a Melalui Rancangan Colombo	1
	F4 Biasiswa	1
	H4a Dalam bidang pendidikan	1
	H4b Dari negara komanwel	1
	H4c Melalui Rancangan Colombo	1

Soalan	Butiran	Markah
H4d	Melalui Biasiswa Pendidikan Komanwel	1
H4e	Pelajar Malaysia dihantar ke negara Britain/ New Zealand/ Australia	1
F5	Perdagangan	1
H5a	Eksport Malaysia ke negara Komanwel dikenakan cukai yang rendah	1
F6	Perbincangan hal-hal kepentingan bersama	1
H6a	Melalui CHOGM (<i>Commonwealth Head of Governments Meeting</i>)	1
H6b	Diadakan setiap dua tahun	1
F7	Mendapat pujian/menaikan nama/diberi pengiktirafan	1
H7a	Terhadap pemimpin negara	1
H7b	Berjaya menganjurkan CHOGM	1
	[Mana-mana 10 x1 m]	
ii Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)		
F8	Bantuan kewangan/Agensi	1
H8a	Melalui Bank Dunia	1
H8b	Menggalakkan kemasukan pelabur asing	1
H8c	Menjayakan rancangan FELDA	1
H8d	Membangunkan prasarana pendidikan/ penyelidikan	1
H8e	Membantu membasmi kemiskinan	1
H8f	Menambah peluang pekerjaan	1
H8g	Memajukan tanaman padi	1
H8h	WHO/ UNESCO/ FAO/ UNHCR/ ILO	1
F9	Kepimpinan dalam pertubuhan dunia	1
H9a	Datuk Seri Dr Mahathir dilantik sebagai YDP Persidangan Penyalahgunaan Dadah di Austria 1987	1
H9b	Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai YDP UNESCO 1989	1
H9c	Tan Sri Razali Ismail sebagai Pengerusi Perhimpunan Agong PBB/ wakil	1
H9d	Khas PBB ke Myanmar ‘Ahli Majlis Keselamatan PBB’	1
H9e	Naib Presiden sidang kemuncak NAM di Belgrade. Yugoslavia	1
H9f	Ahli kumpulan 16	1
H9g	Pengerusi sidang kemuncak NAM ke 13 (2003)	1
H9h	TAR setiausaha Agong OIC pertama	1
F10	Hubungan baik dengan semua negara	1
H10a	Mengelak campur tangan asing dalam negara	1
H10b	Berunding menyelesaikan masalah Negara-Negara Selatan/ Negara Dunia Ketiga	1
	[Mana-mana 10 x1 m]	

Soalan	Butiran	Markah
	iii Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)	1
	F12 Hubungan baik/ persaudaraan	1
	H12a Dengan negara Islam	1
	F13 Bank Pembangunan Islam	1
	H13a Mendapat pinjaman untuk projek pembangunan	1
	H13b Mendapat bantuan mendirikan UIAM	1
	F14 Imej pemimpin	1
	H14a Membuktikan ketokohan pemimpin negara di pentas dunia	1
	H14b Dihormati negara Islam lain	1
	F15 Kesediaan menghadapi cabaran semasa	1
	H15a Bersedia menghadapi cabaran globalisasi	1
	H15b Meningkatkan daya saing negara	1
	F16 Menjana pendapatan negara antarabangsa/ ekonomi	1
	H16a Melalui penganjuran persidangan/ sukan antarabangsa	1
	H16b Menarik kemasukan pelancong	1
	F17 Menjayakan pembentukan Malaysia	1
	H17a Penubuhan Suruhanjaya PBB	1
	H17b Bantuan semasa konfrantasi	1
	[Mana-mana 10 x1 m]	

- 4 Sebagai warga global yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda boleh menyumbang kepada kesejahteraan dunia?

Soalan	Butiran	Markah
4	F1 Hidup bersatu padu	1
	F2 Menghargai keamanan	1
	F3 Saling memahami	1
	F4 Bertolak ansur	1
	F5 Menghormati hak asasi manusia	1
	F6 Mematuhi undang-undang	1
	F7 memulihara sungai/ laut/ alam sekitar	1
	F8 Mengelakkan pembakaran terbuka	1
	F9 Menanam pokok/bunga	1
	F10 Menolak gejala negatif	1
	F01 Melibatkan diri dalam misi kemanusiaan	1
	F12 Menyokong perjuangan rakyat Palestin	1
	F13 Menolak pendekatan perkauman	1
	F15 Menghindari penyalahgunaan dadah	1
	(Mana- mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 10 x1 m]	

- 5 Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang berkesan dalam menjamin kestabilan serantau. Buktikan.

Soalan	Butiran	Markah
5	ASA	
	F1 Keselamatan negara/dilindungi dari ancaman komunis	1
	F2 Melemahkan gerakan komunis di sempadan Malaysia-Thailand	1
	MAPHILINDO	
	F3 Berusaha menyelesaikan pertikaian Malaysia-Indonesia /Filipina	1
	F4 Meningkatkan perhubungan persahabatan ASEAN	1
	F5 Keselamatan perairan negara	1
	F6 zon bebas senjata nuklear diisytiharkan	1
	F7 Kapal tidak dibenarkan menggunakan perairan	1
	F8 bahan / senjata nuklear dilarang diangkut melalui perairan	1
	F9 ZOFPAN diisytiharkan	1
	F10 Tidak bersekongkol dengan mana-mana Blok Batar atau Timur	1
	F11 Berjaya mengelakkan campur tangan kuasa besar	1
	F12 Menjalin hubungan dengan semua negara	1
	F13 Wujud keamanan negara	1
	F14 Membntu membentuk kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea	1
	F15 Berusaha menyelesaikan krisis selatan Thailand	1
	F16 Berusaha menyelesaikan krisis selatan Filipina	1
	F17 Berusaha menyelesaikan masalah pelarian Vietnam	1
	F18 pelaksanaan demokrasi di Myanmar (Burma)	1
F19 menyelesaikan krisis kemanusiaan di Rohingya / Myanmar	1	
F20 menyelesaikan isu politik di Aceh	1	
(Mana-mana jawapan munasabah)	1	
	[Mana-mana 10 x1 m]	

- 6 Bagaimanakah dasar luar negara kita dapat membantu mengelakkan konflik sedemikian?

Soalan	Butiran	Markah
6	F1 Berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi	1
	F2 Menghormati kedaulatan negara lain	1
	F3 Tidak mencampuri urusan hal ehwal dalam negara lain	1
	F4 Menyelesaikan konflik secara rundingan	1
	F5 Mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek	1
	F6 Mengamalkan sikap toleransi	1
	F7 Mengutamakan keamanan / keharmonian	1
	F8 Mengelakkan persaingan senjata	1
	F9 Berpegang teguh kepada piagam PBB	1
	F10 Menghormati hak asasi manusia	1
	F11 Menolak dasar aparthied	1
	F12 Perihatin terhadap isu-isu kemanusiaan	1
	F13 Menghormati kepelbagaian agama	1
	F14 Pengamalan demokrasi	1
	F15 Rasional / dinamik	1
[Mana-mana jawapan munasabah]	1	
	(mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 10 x1 m]	

- 7 Sebagai warga global, apakah nilai-nilai yang dapat diamalkan untuk membolehkan kita hidup bersama dengan aman dan harmoni.

Soalan	Butiran	Markah
7	F1 Adil	1
	F2 Jujur/ amanah	1
	F3 Menghormati hak asasi manusia	1
	F4 Integriti	1
	F5 Bertanggungjawab	1
	F6 Bersikap terbuka /	1
	F7 Bekerjasama	1
	F8 Bertoleransi	1
	F9 Patuh kepada agama	1
	F10 Bersatupadu	1
	F11 Demokrasi	1
	F12 Baik hati	1
	F13 Kasih sayang	1
	F14 Rasional	1
	F15 Menerima kepelbagaian (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 5 x1 m]	1
	http://cikguadura.wordpress.com/	

Kesimpulan	<p>8 Rumusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan yang diperoleh (1 m) • Iktibar kepada diri, bangsa dan negara (3 m) • Harapan untuk masa depan Malaysia yang lebih cemerlang (1m) 	5 markah
-------------------	--	----------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT